

26 NOV 1999

Pilihan raya-Permatang Pauh (Fokus Berita)

APA PUN KEPUTUSAN, KEJUTAN DITUNGGU DI PERMATANG PAUH

Oleh: Azman Ujang

BUKIT MERTA JAM, 26 Nov (Bernama) -- "Saya berentap dengan tokoh ke-49 paling berpengaruh di Asia. Saya bukan pun tokoh ke-49 juta paling berpengaruh di Asia. Tetapi jika anda bertanya tentang peluang saya untuk menang, Tentulah saya menyatakan yakin, jika tidak, saya tidak akan bertanding," kata calon Barisan Nasional (BN) Datuk Dr Ibrahim Saad.

Dr Ibrahim agak sinis ketika memberi jawapan itu sambil menarik perhatian kepada lawannya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail pada pilihan raya umum 29 Nov ini bagi kerusi parlimen Permatang Pauh yang sudah tentu menjadi tumpuan seluruh negara.

Majalah Asiaweek baru-baru ini memilih dan menyenaraikan Dr Wan Azizah di antara "tokoh paling berpengaruh di Asia".

Permatang Pauh diwakili selama empat penggal oleh suami Dr Wan Azizah, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas timbalan perdana menteri yang pemecatannya daripada Kabinet mencetuskan demonstrasi jalanan di Kuala Lumpur dan penubuhan Parti Keadilan Nasional yang dipimpin oleh Dr Wan Azizah.

Kali ini, Anwar, yang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan rasuah, tidak bertanding tetapi pengaruhnya masih menghantui sebahagian besar kawasan itu yang mempunyai 50,000 pengundi.

Permatang Pauh bolehlah diibaratkan sebagai medan pertarungan sengit pilihan raya umum kali ini dan sama ada Dr Wan Azizah atau Dr Ibrahim menang atau kalah, keputusannya pasti membuat kejutan.

Sejak hari penamaan calon pada 20 Nov, media antarabangsa telah membanjiri Permatang Pauh, yang terletak di Tanah Besar semata-mata kerana Dr Wan Azizah kali ini membawa obor Parti Keadilan.

Memandangkan sikap media asing yang memihak kepada Anwar, Dr Ibrahim juga sedang proses mendapatkan liputan media antarabangsa yang sebelum ini beliau tidak biasa.

" CNN, CNBC dan media antarabangsa yang lain telah menemuramah saya. Tetapi terus-terang, saya memberitahu bahawa saya boleh berkempen tanpa bantuan mereka kerana mereka tidak melaporkan dengan tepat mengenai saya atau Malaysia," kata beliau kepada Bernama ketika ditemui di rumahnya di Sungai Semambu di sini semalam.

Terdahulu, para pembantunya berkata "adalah mustahil" untuk menemui Dr Ibrahim bagi ditemuramah memandangkan beliau "berada di merata-rata tempat" kerana berkempen, lebih-lebih lagi pengundian tinggal cuma beberapa hari lagi.

Dr Ibrahim, yang juga kawan Anwar sejak kecil dan memasuki politik aoabila Anwar melantik beliau sebagai setiausaha politiknya pada 1980-an sedang bekerja keras untuk memastikan BN mempertahankan kerusi itu yang sejak dahulu menjadi kubu bekas ketuanya.

" Saya tidur cuma tiga jam sehari sekarang," kata Dr Ibrahim, 53, yang menjawab jawatan Timbalan Menteri Pengangkutan apabila Parlimen dibubar pada 11 Nov lepas untuk membolehkan pilihan raya umum diadakan.

Beliau membuat sekurang-kurangnya 15 ucapan sehari, bersalam dengan beratus-ratus orang dan mengaku menghadapi laluan yang sukar. Tetapi beliau berkata peluangnya bergantung kepada apa yang digelar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "majoriti senyap" yang diketahui sebagai penyokong tradisi BN.

Dr Ibrahim berkata berikutan pemecatan Anwar daripada Umno yang menjadi tunggak BN, perpecahan jelas terbayang di kalangan orang Melayu yang meliputi 66 peratus daripada pengundi di Permatang Pauh.

" Perpecahan memang berlaku tetap saya berasa sedih melihat pekerja-pekerja muda Parti Keadilan berkempen tanpa menghormati orang lain dan ini mengganggu keadaan.

Ketika ditanya apakah yang dimaksudkan, Dr Ibrahim berkata mereka mengejek penyokong-penyokong BN dan kadang-kala mencetuskan keadaan yang tegang.

Ketika ditanya mengenai perasaannya kepada Anwar, beliau berkata: "Tentulah saya bersimpati dengannya. Saya juga manusia. Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa pilihan raya ini tidak ada kena-mengena dengan emosi. Ia bagi memilih kerajaan yang kuat lagi stabil dan dalam hubungan ini hanya BN yang mampu berbuat demikian," kata Dr Ibrahim.

Semasa berkempen, Dr Wan Azizah, 47, cuba memancing undi daripada pengundi-pengundi yang bersimpati.

Menurut Dr Ibrahim, cara yang digunakan oleh Dr Wan Azizah ialah dengan "memeluk kanak-kanak lalu menangis" semasa berkempen dari rumah ke rumah tanpa membicarakan mengensi isu-isu nasional.

Dr Wan Azizah atau lebih dikenali sebagai "Kak Wan" di kalangan para penyokong Keadilan tidak ditemui apabila Bernama melawat kawasan itu kerana beliau berada di Sabah berkempen bagi calon-calon parti itu.

Para penyokong kedua-dua pihak berkata tiada kecaman peribadi oleh mana-mana calon dan senario ini adalah disebabkan latarbelakang kedua-dua mereka yang berpendidikan.

Ketika ditanya oleh pemberita pada hari penamaan calon mengenai Anwar, Dr Ibrahim berkata: "Beliau ialah kawan baik saya. Saya harap khubungan antara kami berdua sebagai kawan akan kekal."

Beliau memberitahu kira-kira 400 penduduk Cina dpada ceramah di Sungai Lembu pada malam Isnin: "Saya berentap dengan "simoe" (isteri ketua dalam bahasa Kantonis).

Kedua-dua pihak tidak mahu mengalah mengenai peluang satu sama lain.

Hairuddin Othman, calon Keadilan bagi kerusi Dewan undangan negeri Seberang Jaya yang terletak dalam kawasan parlimen Permatang Pauh berkata sokongan kepada Dr Wan Azizah amat menggalakkan.

" Anda dapat melihat ramai orang dan tidak kurang juga sukarelawan daripada segenap lapisan masyarakat termasuk penduduk Cina untuk membantu berkempen," kata beliau.

Pengundi Cina yang meliputi 28 peratus daripada jumlah pengundi dikatakan menjadi faktor yang akan menentukan siapa yang akan memang memandangkan kepada perpecahan yang dilaporkan di kalangan pengundi Melayu.

Beberapa pekedai Cina yang ditemui Bernama berkata Keadilan memperoleh sokongan daripada sesetengah anggota masyarakat itu kerana banyak pembangunan telah dilaksanakan di Permatang Pauh di bawah Anwar.

Para penganalisis di kawasan itu juga menarik perhatian kepada 8,000 pengundi yang menyokong calon PAS dan DAP yang menentang Anwar pada pilihan raya 1995. Anwar menang dengan majoriti 16,150 undi pada pilihan raya itu.

" Kak Wan boleh menaruh harapan keada mereka kali ini kerana mereka ialah penyokong kuat yang tidak mungkin mengubah pendirian dan mengundi BN," kata Hairuddin, 39, seorang peguam, yang bertanding buat kali pertama pada pilihan raya ini.

Aminuddin Ariffin, pengarah urusan Dinastia Jati Sdn Bhd, syarikat membekalkan peralatan minyak dan gas yang berpejabat di Kuala Lumpur ialah seorang daripada ramai kawan Dr Ibrahim yang "balik kampung" untuk membantunya berkempen.

" Saya berpendapat Dr Ibrahim mempunyai kelebihan jika semakin ramai orang yang keliru dengan kes Anwar berfikir secara mendalam dan memilih kesinambungan dan kestabilan ketika mengundi," kata beliau.

-- BERNAMA

AU FAZ

